**KENYATAAN AKHBAR**
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

# SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 16 SEPTEMBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 16 September 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **16,939 kes** (1,800,278 kes kumulatif, 87.8%);
- Kes baharu : **18,815 kes** (2,049,750 kes kumulatif);
- Kes import : **7 kes** (4 warganegara; 3 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **18,808 kes** [16,819 warganegara (89.4%); 1,989 bukan warganegara (10.6%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **1,222 kes** (913 kes COVID-19; 309 kes *suspected, probable,* dan kes dalam siasatan);
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **710 kes** (422 kes COVID-19; 288 kes *suspected, probable,* dan kes dalam siasatan);
- Jumlah kluster : **5,228 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **21 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **3,822 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **1,406 kluster**.

Daripada **18,815 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini,

- **222 kes (1.2 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **18,593 kes (98.8 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian jumlah dan purata kes mengikut negeri, kluster-kluster baharu, dan nilai $R_T$ mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3, dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Data kematian dan data-data lain bagi situasi semasa jangkitan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman GitHub dan laman web **COVIDNOW** di https://covidnow.moh.gov.my.

**PROJEK RINTIS GELEMBUNG PELANCONGAN DOMESTIK LANGKAWI: KEPUTUSAN SEMASA PENGUJIAN COVID-19 DI PINTU MASUK UDARA DAN LAUT**

Seperti yang dimaklumkan Kerajaan, Projek Rintis Gelembung Pelancongan Domestik Langkawi telah pun bermula pada hari ini. Seiring dengan itu, KKM telah mula melaksanakan semakan ujian saringan COVID-19 dan juga ujian saringan COVID-19 (bagi pelancong yang belum menjalankan ujian) sebelum mereka berlepas ke Pulau Langkawi di pintu masuk udara dan laut.

Adalah dimaklumkan bahawa, sehingga jam 12 tengah hari 16 September 2021, seramai **2,546 orang** telah disaring di pintu masuk udara dan laut ke Pulau Langkawi. Ini melibatkan sejumlah **1,250 orang** yang telah disaring di empat (4) pintu masuk lapangan terbang dan **1,296 orang** melalui feri di Kuala Perlis. Keputusan saringan adalah seperti berikut:

- Sejumlah **2,528 orang** telah menjalani ujian RTK-Ag, dan daripada jumlah ini, sebanyak **lima (5) kes positif** COVID-19 telah dikesan;
- Sejumlah **enam (6) orang** telah menjalani ujian RT-PCR sendiri sebelum ke lapangan terbang, dan kesemua keputusan adalah negatif; dan

- Baki **12 orang** kanak-kanak di bawah enam (6) tahun tidak menjalani ujian COVID-19 dan dibenarkan berlepas bersama keluarga masing-masing.

Kesemua **lima (5) kes** yang telah dikesan merupakan kategori satu (1) iaitu tidak bergejala. Kes-kes ini telah diberikan perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (HSO) untuk diisolasi bagi tempoh 10 hari.

| | Bilangan pengembara yang disaring | Bilangan yang demam | Bilangan yang menjalani RTK Ag | Bilangan yang menjalani RT PCR | Bilangan COVID-19 positif | Bilangan pengembara yang dirujuk rawatan lanjut | Bilangan yang diluluskan untuk perjalanan seterusnya | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **PINTU MASUK UDARA** | | | | | | | | |
| **Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)** | **338** | **0** | **338** | **0** | **1** | **0** | **334** | 3 kontak rapat kepada kes positif tidak meneruskan perjalanan |
| **Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA 2@)** | **373** | **0** | **373** | **0** | **0** | **0** | **373** | |
| **Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah Subang** | **487** | **0** | **470** | **5** | **3** | **0** | **482** | 2 kontak kepada kes positif tidak meneruskan perjalanan. 12 orang kanak-kanak bawah umur 6 tahun tidak menjalankan ujian saringan COVID-19. |
| **JUMLAH SELANGOR** | **1,198** | **0** | **1,181** | **5** | **4** | **0** | **1,189** | |
| **Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang** | **52** | **0** | **51** | **1** | **1** | **0** | **51** | |
| **Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah Perak** | **0** | **0** | **0** | **0** | **0** | **0** | **0** | |
| **Lapangan Terbang Antarabangsa Senai Johor** | **0** | **0** | **0** | **0** | **0** | **0** | **0** | |
| **Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kelantan** | **0** | **0** | **0** | **0** | **0** | **0** | **0** | |
| **JUMLAH ORANG PMA UDARA** | **1,250** | **0** | **1,232** | **6** | **5** | **0** | **1,240** | |
| **PINTU MASUK LAUT** | | | | | | | | |
| **Jeti Kuala Perlis** | **1,296** | **0** | **1,296** | **0** | **0** | **0** | **1,296** | |
| **JUMLAH ORANG PMA LAUT** | **1,296** | **0** | **1,296** | **0** | **0** | **0** | **1,296** | |
| **JUMLAH BESAR** | **2,546** | **0** | **2,528** | **6** | **5** | **0** | **2,536** | |

**Jadual 1 :** Data Saringan COVID-19 Pengembara di Pintu Masuk bagi Gelembung Pelancongan Domestik Projek Rintis Langkawi pada 16 September 2021 (sehingga jam 12 tengah hari)

Seperti yang ditekankan sebelum ini, kejayaan Projek Rintis Langkawi sebagai gelembung pelancongan domestik pertama ini sangat penting dalam menentukan hala tuju pembukaan destinasi gelembung pelancongan domestik yang seterusnya. Projek rintis ini perlu dilaksanakan dengan berhati-hati bagi memastikan ianya berjalan lancar dan tidak menyebabkan berlakunya peningkatan kes serta kluster baharu. Atas sebab itulah, kerajaan perlu memastikan setiap pelancong yang akan bercuti ke Pulau Langkawi telah menerima vaksinasi lengkap, bukan merupakan kes positif COVID-19, dan bukan kontak rapat kepada kes positif.

Kejayaan untuk membawa negara keluar daripada kemelut pandemik ini tidak hanya boleh bergantung kepada usaha dan strategi kerajaan semata-mata, sebaliknya perlu didokongi usaha sama oleh semua pihak dan lapisan masyarakat.

Oleh itu, KKM ingin mengingatkan masyarakat untuk terus mengamalkan tindakan kesihatan awam kendiri dalam apa keadaan sekalipun bagi menjaga keselamatan diri, keluarga, dan masyarakat sekeliling. Amalkan pemakaian pelitup muka, penjarakan fizikal, dan mencuci tangan dengan kerap. Sekiranya bergejala sama ada semasa tempoh melancong atau setelah pulang dari Pulau Langkawi, segeralah dapatkan rawatan awal atau lakukan ujian kendiri bagi membendung penularan COVID-

19. Sekiranya kita mengambil mudah kelonggaran yang diberikan, tidak mustahil situasi jangkitan menjadi lebih teruk.

KKM mengucapkan jutaan penghargaan atas kerjasama dan sokongan yang telah diberikan oleh pelbagai pihak dan agensi dalam merealisasikan Projek Rintis Gelembung Pelancongan Domestik Langkawi. KKM juga akan sentiasa menambah baik dan memudah cara proses serta pelaksanaan pengujian ini dari semasa ke semasa agar ianya berjalan lancar dan berkesan.

**NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan ***Wash, Wear*** dan ***Warn***).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Selamat Hari Malaysia!

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

16 September 2021 @ 6:45 petang.

**LAMPIRAN 1**

## BILANGAN KES COVID-19
## MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
## (SEHINGGA 16 SEPTEMBER 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)

| NEGERI | PURATA KES 7 HARI* | KADAR INSIDEN ** | BILANGAN KES BAHARU ( ) *** | BILANGAN KES KUMULATIF |
|---|---|---|---|---|
| SARAWAK | 3,799 | 128.94 | 3,660 (1) | 170,672 |
| SELANGOR | 2,604 | 38.21 | 2,718 (1) | 651,640 |
| JOHOR | 2,082 | 52.34 | 2,206 | 172,291 |
| SABAH | 1,885 | 45.84 | 1,982 (1) | 181,293 |
| PULAU PINANG | 1,644 | 90.03 | 1,777 | 114,690 |
| KEDAH | 1,320 | 57.42 | 1,233 | 122,736 |
| KELANTAN | 1,279 | 64.03 | 1,222 | 98,866 |
| PERAK | 1,174 | 66.21 | 1,446 | 87,142 |
| TERENGGANU | 790 | 59.89 | 814 | 45,795 |
| PAHANG | 752 | 28.55 | 712 | 54,746 |
| WP KUALA LUMPUR | 433 | 22.51 | 493 (3) | 181,733 |
| MELAKA | 327 | 33.57 | 269 | 54,237 |
| NEGERI SEMBILAN | 203 | 17.27 | 170 (1) | 95,158 |
| PERLIS | 67 | 25.16 | 80 | 3,050 |
| WP PUTRAJAYA | 21 | 21.60 | 22 | 5,800 |
| WP LABUAN | 5 | 4.93 | 11 | 9,901 |
| **MALAYSIA** | **18,385** | **53.70** | **18,815 (7)** | **2,049,750** |

*Tidak termasuk kes import A (luar negara) dan di Penjara/Lokap/Depot Tahanan Imigresen (DTI)

**Purata kes 7 hari bagi setiap 100,000 penduduk

***Kes import

**LAMPIRAN 2**

**Perincian 18,815 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 16 September 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:**

| NEGERI | JUMLAH KES | KLUSTER | KONTAK RAPAT | IMPORT A* | LAIN-LAIN |
|---|---|---|---|---|---|
| SARAWAK | 3,660 | 76 | 2,860 | 1 | 723 |
| SELANGOR | 2,718 | 97 | 1,396 | 1 | 1,224 |
| JOHOR | 2,206 | 391 | 1,001 | - | 814 |
| SABAH | 1,982 | 9 | 1,101 | 1 | 871 |
| PULAU PINANG | 1,777 | 91 | 501 | - | 1,185 |
| PERAK | 1,446 | 289 | 547 | - | 610 |
| KEDAH | 1,233 | 38 | 745 | - | 450 |
| KELANTAN | 1,222 | 41 | 800 | - | 381 |
| TERENGGANU | 814 | 47 | 548 | - | 219 |
| PAHANG | 712 | 270 | 356 | - | 86 |
| WP KUALA LUMPUR | 493 | 11 | 261 | 3 | 218 |
| MELAKA | 269 | 16 | 119 | - | 134 |
| NEGERI SEMBILAN | 170 | 2 | 123 | 1 | 44 |
| PERLIS | 80 | - | 35 | - | 45 |
| WP PUTRAJAYA | 22 | - | 12 | - | 10 |
| WP LABUAN | 11 | 3 | - | - | 8 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **18,815** | **1,381** | **10,405** | **7** | **7,022** |

***** Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

**LAMPIRAN 3**

## KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA PADA 16 SEPTEMBER 2021

| NO | NAMA KLUSTER | KATEGORI KLUSTER | NEGERI | DAERAH | JUMLAH KES | JUMLAH DISARING |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Industri Batu 23 Kulai | Tempat Kerja | Johor | Kulai | 35 | 75 |
| 2 | Industri Idaman Senai | Tempat Kerja | Johor | Kulai | 24 | 29 |
| 3 | Industri Jalan Teluk Ramunia | Tempat Kerja | Johor | Kota Tinggi | 19 | 53 |
| 4 | Jalan Bahagia Batu 19 | Tempat Kerja | Johor | Tangkak | 13 | 15 |
| 5 | Industri Sulong Utama | Tempat Kerja | Johor | Batu Pahat | 9 | 108 |
| 6 | Senai Jaya Kulai | Tempat Kerja | Johor | Kulai | 8 | 16 |
| 7 | Industri Jalan Chepor 11/8 | Tempat Kerja | Perak | Kinta | 64 | 97 |
| 8 | Jalan Jelapang 3 | Tempat Kerja | Perak | Kinta | 46 | 2,676 |
| 9 | Pulau Kambing | Tempat Kerja | Terengganu | Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Besut, Marang, dan Hulu Terengganu | 103 | 473 |
| 10 | Kampung Baloh | Komuniti | Kelantan | Kota Bharu | 18 | 25 |

| NO | NAMA KLUSTER | KATEGORI KLUSTER | NEGERI | DAERAH | JUMLAH KES | JUMLAH DISARING |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 11 | Kampung Buloh Poh | Komuniti | Kelantan | Kota Bharu | 15 | 27 |
| 12 | Kampung Sungai Hilir Masjid | Komuniti | Kelantan | Bachok dan Kota Bharu | 14 | 21 |
| 13 | Kampung Gaung Hilir | Komuniti | Kelantan | Pasir Mas | 9 | 13 |
| 14 | Kampung Belukar Simpang | Komuniti | Kelantan | Kota Bharu | 9 | 14 |
| 15 | Seri Mahkota Aman | Komuniti | Pahang | Kuantan | 26 | 72 |
| 16 | Jalan Klinik Lama Gua Musang | Kumpulan Berisiko Tinggi | Kelantan | Gua Musang | 27 | 36 |
| 17 | Batu Sembilan Chemor | Kumpulan Berisiko Tinggi | Perak | Kinta | 12 | 59 |
| 18 | Dah Kota Kenari | Pendidikan Lain | Kedah | Kulim | 83 | 88 |
| 19 | Taman Kota Barat | Pendidikan Lain | Perak | Larut, Matang, dan Selama | 14 | 21 |
| 20 | Bukit Ibam | Pendidikan Tinggi | Pahang | Rompin | 36 | 70 |
| 21 | Tembok Choh 4 | Pusat Tahanan | Johor | Johor Bahru | 19 | 22 |

**LAMPIRAN 4**

**NILAI $R_T$ MENGIKUT NEGERI**
**BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN**
**PADA 15 SEPTEMBER 2021**

| NEGERI | NILAI $R_T$ |
|---|---|
| SARAWAK | 1.14 |
| TERENGGANU | 1.08 |
| PERLIS | 1.06 |
| PERAK | 1.02 |
| JOHOR | 1.01 |
| PAHANG | 1.01 |
| PULAU PINANG | 1.00 |
| KELANTAN | 1.00 |
| SABAH | 0.93 |
| KEDAH | 0.92 |
| MELAKA | 0.92 |
| NEGERI SEMBILAN | 0.87 |
| WP PUTRAJAYA | 0.87 |
| SELANGOR | 0.84 |
| WP KUALA LUMPUR | 0.81 |
| WP LABUAN | 0 |
| **MALAYSIA** | **0.97** |